

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2003

TINGKATAN EMPAT

PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B*
2. **Bahagian A** mengandungi 40 soalan objektif, **Bahagian B** mengandungi 4 soalan subjektif.
3. Jawab semua soalan **Bahagian A**
4. Jawab tiga soalan **Bahagian B**. Soalan 1 dan 2 wajib dijawab dan pilih mana-mana satu soalan berikutnya. Semua tiga soalan wajib dijawab.
5. **Bahagian A** mengandungi soalan objektif yang diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D serta soalan mengisi tempat kosong. Tandakan semua jawapan pada ruangan yang telah disediakan di dalam kertas soalan ini.
6. **Bahagian B** mengandungi empat soalan subjektif. Tulis jawapan di dalam kertas jawapan yang disediakan.
7. Jawapan bagi Bahagian A dan Bahagian B hendaklah diikat bersama-sama

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	Soalan	Markah
A	40	
Jumlah		40
B	1	
	2	
	3	
	4	
Jumlah		60
JUMLAH		100

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

Bahagian A

[40 MARKAH]

Soalan 1 hingga 20.

Tiap-tiap soalan diikuti oleh 4 pilihan soalan jawapan A, B, C dan D.
Bulatkan jawapan yang tepat.

1. Rasul adalah manusia pilihan yang paling mulia di sisi Allah.
Berikut adalah cara-cara memuliakan Rasulullah KECUALI :
 - A. Berselawat
 - B. Bertasbih dan bertahmid
 - C. Menziarahi makan Rasul
 - D. Beriltizam dengan sunnahnya

2. Hasil karya Imam Syafie r.a ialah :
 - A. Ihya' Ulumuddin
 - B. Al-Muwatta'
 - C. Al-Risalah
 - D. Al-Tarikh

3. Yang mana satukah kenyataan berikut BUKAN berkenaan dengan hikmat pengharaman riba :
 - A. Mendekatkan jurang ekonomi orang kaya dan orang miskin
 - B. Mengekalkan kesihatan fizikal dan mental
 - C. Memupuk semangat kerjasama
 - D. Menegakkan keadilan

4. Berikut adalah kesan negatif dari sikap membelakangkan kepimpinan Khulafa' ar-Rasyidin KECUALI :
 - A. Lahirnya sistem monarki
 - B. Perpecahan aliran pemikiran
 - C. Orang munafik terhalang dari memecahbelahkan umat Islam
 - D. Pembunuhan Saidina Uthman b. Affan dan Saidina Ali b. Abi Talib

5. Sembelihan akikah hukumnya sunat muakkad.
Di antara hikmatnya ialah :
- A. Mengingati peristiwa penyembelihan Nabi Ismail a.s.
 - B. Memupuk sikap berkorban untuk meninggikan syiar Islam
 - C. Sebagai tanda penghormatan manusia ke atas makhluk ciptaan Allah
 - D. Menghebahkan kepada masyarakat tentang anugerah yang dikurniakan oleh Allah

6. Orang sakit memerlukan penjagaan rohani, emosi dan fizikal.
Yang manakah di antara berikut berkaitan dengan aspek emosi :
- A. Menasihati pesakit supaya bersabar dan tabah menghadapi ujian Allah
 - B. Memastikan pesakit bersih tubuh badan, pakaian dan tempat
 - C. Mengingatkan pesakit supaya sentiasa mengingati Allah
 - D. Menggunakan tuturkata dan bahasa yang lemah lembut

7. Berikut adalah syarat barang jualan:

- I. Bermanfaat
- II. Bersih dan suci
- III. Bersih dan cantik
- IV. Kepunyaan penjual

- A. I, II dan III
- B. II, III dan IV
- C. I, II dan IV
- D. I, III dan IV

8.

- ★ Mendaulatkan kerajaan Islam Madinah daripada ancaman golongan murtad, gerakan nabi-nabi palsu dan golongan yang tidak membayar zakat.
- ★ Membebaskan negeri-negeri di bawah pengaruh Rom dan Parsi.
- ★ Mengumpulkan tulisan-tulisan al-Quran.

Tokoh berkenaan ialah :

- A. Khalifah Abu Bakar as-Siddiq
- B. Khalifah Umar al-Khattab
- C. Khalifah Uthman b. Affan
- D. Khalifah Ali b. Abi Talib

9. Sihir bermaksud :

- A. Ilmu yang dipelajari melalui bantuan jin atau syaitan bertujuan memudaratkan manusia
- B. Kepercayaan atau amalan karut yang bertentangan dengan ajaran Islam
- C. Hilang pergantungan kepada Allah kerana mendapat bantuan syaitan
- D. Menyengutukan Allah dengan sesuatu pada zat, sifat dan af' al-Nya

10. Beliau dilahirkan pada tahun 93 H di Madinah. Terkenal sebagai seorang anak yang menghormati ibu bapa dan guru. Meninggal dunia pada tahun 179 H ketika berusia 86 tahun.

Siapakah tokoh di atas ?

- A. Imam Hanafi
- B. Imam Maliki
- C. Imam Shafie
- D. Imam Hanbali

11. Yang manakah di antara kenyataan berikut berkaitan dengan sebab-sebab perlunya beradab ketika berzikir

- A. Dikasihi oleh Allah
- B. Mendapat ketenangan jiwa
- C. Mendidik jiwa supaya sentiasa mengingati Allah
- D. Supaya tidak mengganggu ketenteraman orang lain

12. Berikut adalah perkara-perkara sunat ketika sembelihan.

- I Penyembelih hendaklah berwuduk
- II Memutuskan urat halkum dan mari
- III Melakukan sembelihan di siang hari
- IV Membaringkan binatang di sebelah rusuk kanan

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. I, II dan III
- D. II, III dan IV

13. Ghanimah ialah
- A. Cukai hasil pertanian .
 - B. Harta yang diperolehi daripada kafir Harbi tanpa peperangan
 - C. Harta yang diperolehi daripada orang bukan Islam melalui peperangan
 - D. Cukai daripada kafir Zimmi yang tinggal di negara Islam atau negara bukan Islam yang meminta perlindungan dengan negara Islam.
14. Berikut adalah sebab-sebab Islam melarang umatnya memakan harta anak yatim **KECUALI**
- A. Anak yatim hidup terbiar dan melarat
 - B. Anak yatim akan kehilangan punca pendapatan
 - C. Mencabuli hak anak yatim sebagai pewaris harta
 - D. Melahirkan hubungan silaturahim dan kasih sayang
15. Apakah sifat-sifat yang perlu dimiliki oleh seseorang pendakwah ?
- A. Berilmu, beramal dan berakhlak
 - B. Berilmu, beramal dan berhikmah
 - C. Berilmu , berakhlak dan memberi nasihat yang baik
 - D. Berilmu, berhikmat dan memberi nasihat yang baik
16. Yang manakah di antara berikut **BUKAN** syarat sah binatang Qurban.
- A. Binatang an'am
 - B. Binatang cukup umur
 - C. Binatang sihat dan tidak cacat
 - D. Binatang disembelih oleh orang Islam
17. Berikut adalah dasar pentadbiran Khulafa' ar-Rasyidin **KECUALI**
- A. Khalifah mendapat hak istimewa mengatasi undang-undang
 - B. Gabenor dan pegawai dilantik berdasarkan kecekapan dan kewibawaan
 - C. Rakyat wajib taat kepada pemerintah yang taat kepada syariat Allah dan Rasul
 - D. Rakyat boleh memberi pandangan dan teguran melalui saluran-saluran tertentu.

18. Implikasi penyalahgunaan dadah terhadap masyarakat ialah:
- A. Maruah diri tercemar
 - B. Lalai dari mengingati Allah
 - C. Berlaku pergaduhan dan permusuhan
 - D. Wang negara dihabiskan untuk menyelenggara pusat pemulihan
19. Gadaian dikira batal apabila :
- A. Gadaian dibuat dengan kerelaan sendiri
 - B. Peggadai belum membayar semua hutang
 - C. Barang gadaian adalah sah untuk dijual beli
 - D. Barang gadaian telah diserahkan semula kepada peggadai
20. Mengumpat dilarang dalam Islam . Di antara sebab-sebab perbuatan mengumpat ialah:
- I Suka bermegah
 - II Tidak mahu orang lain melebihi dirinya
 - III Tidak ingin melihat orang lain menderita
 - IV Tidak suka dengan kesenangan orang lain
- A. I dan IV
 - B. II dan IV
 - C. I, II dan III
 - D. II, III dan IV


Soalan 21 hingga 28.

Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

21. Haji _____ ialah mengerjakan haji dalam musim haji dan umrah dikerjakan di luar musim haji , sama ada sebelum atau selepas musim haji.
22. Dosa besar yang dilakukan oleh manusia boleh dihapuskan melalui _____
23. Berdasar ayat 125 Surah al-Nahl, terdapat tiga cara berdakwah , iaitu cara hikmah, _____ dan berbincang dengan cara yang baik.
24. Imam Ahmad b. Hambal dilahirkan pada tahun 164 H / 780 M merupakan pengasas Mazhab _____.
25. Orang berhutang dan pemberi hutang dikehendaki membuat penyaksian sama ada secara lisan atau bertulis . Ia dinamakan sebagai _____.
26. Perkara Rukun Haji ialah apabila ditinggalkan dengan sengaja atau terlupa hajinya _____ dan _____.
27. Imam Bukhari telah menghasilkan kitab hadis yang termasyhur ialah _____ yang mengandungi _____ hadis sahih.
28. _____ ialah keluar dari ihram setelah melakukan beberapa ibadat tertentu

Soalan 29 hingga 31 .

Lengkapkan tempat kosong berdasarkan carta berikut :



29. _____


30. _____

31. _____


Soalan 32 hingga 33.

Carta berikut berkaitan dengan perkara yang membatalkan iman.


Lengkapkan dengan kenyataan yang betul.



Soalan 34 hingga 36.
Lengkapkan carta berikut dengan betul.



Soalan 37 hingga 38 berdasarkan carta berikut.



Bahagian B

[60 MARKAH]

ARAHAN:

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

Soalan satu dan dua **WAJIB** dijawab dan pilih satu dari mana-mana soalan.

1. (a) Firman Allah S.W.T

﴿ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۗ إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿١٢٨﴾
(سورة الإسراء)

Menderhaka kepada ibu bapa adalah salah satu dari dosa besar .

- (i) Tuliskan tanda-tanda anak derhaka [2 markah]
- (ii) Mengapakah anak-anak zaman ini sering menderhaka kepada ibu bapa ? [4 markah]
- (iii) Terangkan cara-cara anda mengelak diri dari menjadi anak derhaka. [4 markah]
- (b) Iman merupakan anugerah Allah yang paling agung kepada manusia.
- (i) Mengapakah manusia perlu kepada iman dalam kehidupan ? [6 markah]
- (ii) Terangkan dua usaha yang boleh anda lakukan untuk meningkatkan iman. [4 markah]
2. (a) (i) Nyatakan pengertian dam dari segi syarak. [2 markah]
- (ii) Mengapakah Islam mensyariatkan dam dalam ibadat Haji ? [4 markah]
- (b) Di antara rukun jual beli ialah penjual , pembeli, barang dan akad.
Nyatakan dua syarat barang jualan. [4 markah]
- (c) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan upah haji ? [2 markah]
- (ii) Nyatakan sebab-sebab yang mengharuskan upah haji. [4 markah]
- (iii) Terangkan hikmat mengupah haji kepada orang lain. [4 markah]

3. (a) Islam sangat mementingkan umatnya yang cergas dan bersemangat waja dalam menjalani kehidupannya.

(i) Bagaimanakah cara anda beradab di tempat rekreasi ? [2 markah]

(ii) Nyatakan faedah rekreasi dari aspek :

- Fisiologi
 - Psikologi
- [4 markah]

(iii) Terangkan strategi pengawalan tempat rekreasi supaya bebas dari perkara-perkara yang membawa kemudharatan kepada pengunjung dari sudut:

- Keselamatan.
 - Kebersihan
- [4 markah]

(b) Kerajaan Bani Umayyah berjaya menjadi kuasa besar yang dapat memartabatkan agama Islam di dunia ketika itu. Kerajaan ini memerintah dari tahun 40 H hingga 132 H.

(i) Terangkan faktor-faktor kejatuhan Kerajaan Bani Umayyah. [4 markah]

(ii) Jelaskan peranan generasi kini bagi mengembalikan kegemilangan Islam. [6 markah]

4. (a) Sabda Rasulullah s.a.w.

عن البراء بن غازب رضى الله عنهما قال : أمرنا رسول الله صلى الله عليه وسلم بعبادة المريض وإتياع الجنائز وتشميت العاطس وإبرار القسم ونصر المظلوم وإجابة الداعي وإفشاء السلام.

Hadis ini menyarankan supaya umatnya mengiringi jenazah ke kubur.

(i) Nyatakan dua adab ketika menziarahi jenazah [4 markah]

(ii) Terangkan tiga perkara yang dilarang ketika menziarahi jenazah [6 markah]

(b) (i) Terangkan sifat-sifat yang boleh dicontohi oleh anda dari Imam al-Ghazali demi mencapai kecemerlangan dalam pelajaran. [4 markah]

(ii) Jelaskan sumbangan Imam al-Ghazali dari aspek:

- Idea
 - Karya
 - Khidmat.
- [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT.